

25/03/2000

Pasir Mas pilih Dr M, Tengku Razaleigh

PASIR MAS, Jumaat - Umno bahagian Pasir Mas hari ini sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan jawatan sebagai presiden Umno dan Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding kerusi timbalan presiden.

Pencalonan itu dicadangkan oleh Ketua Umno bahagian, Datuk Ibrahim Ali dan disokong timbalannya, Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman.

Ibrahim ketika ditemui pemberita berkata, pencalonan Tengku Razaleigh adalah 'tidak lebih' sebagai suatu penghormatan kepada beliau kerana sanggup membubarkan Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan menyertai semula Umno.

Beliau percaya pencalonan itu tidak akan menjejaskan kedudukan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai calon timbalan presiden.

"Sebagai satu penghormatan tidak salah. Kita parti keluarga, pemilihan ini hanya (perkara) dalam parti yang saya kira saya tidak akan dihukum kerana mencalonkan Tengku Razaleigh," katanya.

Tengku Razaleigh kini menerima dua pencalonan bagi jawatan timbalan presiden, yang semuanya dibuat oleh bahagian di Kelantan dan tiga pencalonan bagi naib presiden.

Sebelum ini, Umno bahagian Tanah Merah mencalonkannya bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Bahagian Pasir Mas juga mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai pengerusi tetap Umno dan Datuk Seri Onn Ismail sebagai timbalannya.

Bagi ahli MT, bahagian itu mencalonkan Ibrahim, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Annuar Musa, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Mohd Nazri Tan Sri Aziz, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Dr Suleiman Mohamed, Datuk Khalid Yunus.

Turut dicalonkan ialah Datuk Azmi Khalid, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Salleh Said Keruak, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar, Datuk Ruhanie Ahmad, Abdul Azim Mohd Zabidi, Datuk Seri Shahidan Kassim, Abdullah Omar dan Datuk Yaacob Mohamad.

Sehingga ini lima daripada 14 bahagian Umno di Kelantan selesai mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

(END)